



27 SEP, 2025

PERINTIS PROJEK SOLAR KEDIAMAN



Harian Metro, Malaysia

PERINTIS PROJEK SOLAR KEDIAMAN

Sime Darby sokong agenda peralihan tenaga negara menerusi pelancaran projek di Bandar Elmina

Oleh Sri Ayu Kartika
 Amri
 kartika@mediapri-
 ma.com.my

Shah Alam

Sime Darby Property Bhd menjadi pemaju hartanah pertama di Malaysia melancarkan projek solar kediaman menerusi perintis di Bandar Elmina, sekali gus mencatat pencapaian baharu dalam inisiatif tenaga boleh baharu negara.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Sime Darby Property, Datuk Seri Azmir Merican berkata, projek perintis itu membuktikan model tenaga mampan boleh dilaksanakan secara menyeluruh, sekali gus menyokong agenda peralihan tenaga negara.

Katanya, inisiatif itu menandakan langkah penting dalam menyokong sasaran Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) iaitu 70 peratus tenaga negara dijana daripada sumber boleh baharu menjelang 2050.

“Model yang dibangunkan Sime Darby Property dalam mengubah bumbung rumah kediaman menjadi aset penjana tenaga melalui kaedah pajakan atas bumbung, seterusnya membolehkan



FADILLAH (tengah) melihat replika pembangunan hartanah Sime Darby Property pada perasmian Projek Solar Kediaman di bawah Program CREAM di Elmina Sales Gallery.

pemilik rumah menjadi sebahagian daripada ‘prosumer’ iaitu pengguna dan pengeluar tenaga.

“Projek ini bukan sahaja memberi manfaat kepada pemilik kediaman, malah menyokong keperluan tenaga hijau pembangunan komersial dan industri berhampiran,” katanya ketika berucap pada majlis perasmian Projek Solar Kediaman di bawah Program CREAM di sini, semalam.

Projek berkenaan dirasmikan Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan

Transformasi Air, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Projek perintis di perbandaran utama City of Elmina itu menggunakan CREAM, membolehkan pemilik rumah menyewakan bumbung mereka untuk pemasangan panel solar tanpa memerlukan pelaburan awal.

Penduduk yang mengambil bahagian akan menerima pendapatan daripada sewaan ruang bumbung, selain menyumbang secara langsung kepada agenda tenaga hijau negara.

Selain itu, sebagai Ag-

regator Penjana Tenaga Tempatan (LEGA) yang dilantik, Sime Darby Property akan bertanggungjawab memasang, mengendalikan dan menguruskan infrastruktur solar dengan kerjasama GSPARX Sdn Bhd, anak syarikat TNB selaku rakan teknikal.

Tenaga yang dijana melalui projek itu akan disalurkan ke Taman Inovasi Sime Darby Property yang terletak dalam radius lima kilometer dari kediaman peserta, dan bertindak sebagai Pengguna Hijau Tempatan (LGC).